

10. Bagaimanakah sisa jenazah akan dikebumikan semula?

- Sisa jenazah akan segera dibawa ke Tanah Perkuburan Islam Choa Chu Kang untuk pengebumian semula setelah penggalian selesai.
- Sisa jenazah akan dikebumikan semula mengikut garis panduan Agensi Sekitaran Kebangsaan (NEA):
- 8 sisa jenazah dalam satu plot bagi kubur yang dituntut.
- 16 sisa jenazah dalam satu plot bagi kubur yang tidak dituntut.

11. Bagaimanakah penuntut boleh mengetahui lokasi kubur yang dikebumikan semula?

- Penuntut akan menerima dokumen daripada Muis tentang lokasi sisa jenazah yang telah dikebumikan semula (termasuk nombor blok dan plot kubur baru).
- Bagi pertanyaan mengenai pengebumian semula si mati dari fasa-fasa yang lalu, hubungi NEA di talian 6793 7428.

12. Adakah penuntut harus pergi ke Tanah Perkuburan Islam Choa Chu Kang?

- Sisa jenazah akan dibawa ke Tanah Perkuburan Islam Choa Chu Kang pada hari yang sama dengan hari penggalian.
- Penuntut boleh menyaksikan pengebumian semula sisa jenazah.
- Penuntut boleh juga mewakilkan Muis untuk pengebumian semula melalui surat kebenaran.

13. Apakah yang akan berlaku pada kubur yang tidak dituntut?

- Kubur tersebut akan direkodkan dan dikategorikan sebagai 'kubur yang tidak dituntut'.
- Sisa jenazah akan dikebumikan semula di Tanah Perkuburan Islam Choa Chu Kang.


14. Bolehkah sisa jenazah dikebumikan semula di luar Singapura?

Ya. Penuntut yang bercadang untuk mengebumikan semula sisa jenazah di luar Singapura boleh memohon Permit Keranda untuk dieksport dari NEA di alamat berikut:

Port Health Office
4545 Jalan Bukit Merah
Singapore 159466

Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi 6222 2585.

Kos eksport akan ditanggung oleh penuntut.



Untuk keterangan lanjut, sila hubungi kami di talian **6238 4504** atau layari laman www.pusara.sg atau emel ke info@pusara.sg.

PENGGALIAN KUBUR DI TANAH PERKUBURAN ISLAM CHOA CHU KANG (FASA 8)


BLOK
10, 11, 12, 13,
14, 15, 16, 18,
21 & 22

FAQ

SOALAN LAZIM

1. Kubur manakah yang terjejas?

- Semua kubur Islam di Blok 10, 11, 12, 13, 14, 15, 16, 18, 21 & 22 (Mayat Utama) akan digali selepas tarikh tutup pendaftaran.
- Kubur-kubur yang terletak di luar Blok 10, 11, 12, 13, 14, 15, 16, 18, 21 & 22 (Mayat Tambahan) juga boleh digali sekiranya syarat-syarat berikut dipenuhi:
 - Mayat sudah dikebumikan **sekurang-kurangnya** 15 tahun sebelum tarikh tutup pendaftaran.
 - Mayat Tambahan harus mempunyai pertalian kekeluargaan dengan Mayat Utama dengan cara berikut:



2. Bagaimanakah cara mendaftar secara dalam talian untuk kubur yang terjejas?

- Bermula pada hari **Isnin, 13 September 2021, 9.00 pagi**, anggota keluarga boleh **mendaftar secara dalam talian dengan menggunakan Singpass** menerusi www.pusara.sg untuk menuntut sisa jenazah waris terdekat mereka.
- Berdasarkan langkah keselamatan COVID-19, **pendaftaran secara dalam talian digalakkan**. Penuntut yang tidak dapat mendaftar dalam talian boleh membuat janji temu menerusi www.pusara.sg untuk mengunjungi Pejabat Penggalian Tanah Perkuburan Islam (MCEO) yang terletak di 7 Muslim Cemetery Path 3, S(718773) (sebelah Masjid Pusara Aman).

3. Apakah proses pendaftaran dan pengesahan kubur?

- Pengesahan kubur akan dilakukan dengan mengenal pasti gambar yang akan disediakan di

portal tersebut sebagai sebahagian daripada proses pendaftaran dalam talian. Penuntut juga boleh membuat janji temu untuk pengesahan fizikal di MCEO jika perlu.

- Hanya keluarga yang mempunyai **janji temu melalui sistem pendaftaran dalam talian atau telefon di 6238 4504** boleh mengunjungi MCEO.
- Bagi menuntut Kubur Tambahan (kubur yang tidak terjejas) dengan Mayat Utama, janji temu di MCEO diperlukan untuk pengesahan fizikal dokumen dan pembayaran yuran. Janji temu boleh dibuat secara dalam talian menerusi www.pusara.sg
- Setelah pendaftaran berjaya, emel dan SMS pengesahan dengan arahan selanjutnya akan diberikan kepada penuntut.
- Tarikh akhir pendaftaran adalah pada **12 September 2022**.
- Ekstrak salinan Daftar Pengebumimatian untuk kubur yang tidak terjejas yang menyatakan nama jenazah si mati dan lokasi kubur boleh diminta dengan harga \$20 bagi setiap ekstrak dari NEA di Pejabat Pusara Choa Chu Kang. Tel: 6793 7428.

4. Apakah waktu operasi Pejabat Penggalian Tanah Perkuburan Islam (MCEO)?

Isnin - Khamis	8.30 pagi - 12.30 tengah hari 1.30 petang - 4.30 petang
Jumaat	8.30 pagi - 12.30 tengah hari 2.30 petang - 4.30 petang
Sabtu, Ahad dan Cuti Umum	Tutup

5. Adakah kami perlu membuat bayaran?

- Tiada bayaran yang dikenakan untuk penggalian kubur yang terjejas dalam Blok 10, 11, 12, 13, 14, 15, 16, 18, 21 & 22.
- Untuk setiap kubur tambahan, **yuran yang tidak akan dikembalikan sebanyak \$80** (sebelum GST) bagi penggalian setiap mayat akan dikenakan.

- Tiada tuntutan tambahan akan dibuat jika terdapat anggota keluarga yang menyatakan secara bertulis kepada Muis bahawa dia tidak bersetuju dengan penggalian tersebut.

6. Penggalian akan bermula selepas tarikh tutup pendaftaran. Bagaimanakah jika saya terlupa hari penggalian?

- Penuntut dinasihatkan untuk menghubungi MCEO untuk membuat pertanyaan dan mengesahkan tarikh penggalian.

7. Jika penuntut tidak dapat menyaksikan penggalian pada hari yang ditetapkan, bolehkah penuntut melantik orang lain untuk menyaksikan bagi pihak beliau?

- Penuntut akan diberitahu melalui emel dan SMS apabila tarikh penggalian semakin hampir.
- Penuntut digalakkan untuk menyaksikan proses penggalian dan pengebumian semula.
- Jika penuntut tidak dapat menyaksikan proses penggalian dan pengebumian semula, sila maklumkan kepada Muis **dua minggu lebih awal** sebelum tarikh penggalian melalui talian 6238 4504 atau emel ke info@pusara.sg.
- Muis perlu diberitahu secara bertulis mengenai sebarang pertukaran alamat atau nombor telefon.

8. Apakah yang akan berlaku pada batu nisan?

- Kecuali diminta, batu nisan (jika ada) akan dilupuskan 2 minggu sebelum tarikh penggalian.

9. Apakah yang akan berlaku kepada sisa jenazah si mati?

- Kubur akan digali sehingga tanah asal (*liang lahad*) untuk mendapatkan sisa jenazah, jika ada.
- Sisa jenazah akan dikafankan dengan kain putih secara individu dan dikebumikan semula.
- Tiada bacaan 'Talkin' untuk sisa jenazah kerana tiada keperluan dari segi agama.